

فجابه فغارہ تانہ دان کالین ترغکانو.



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,**

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957 samb. 2700 – 2706 Fax : 09-6229887
3100 – 3115



PTG.TR. G/05/1988/06/06 -(7)

24 Rejab 1424

21 September 2003

Pentadbir Tanah
KUALA TERENGGANU.

Pentadbir Tanah
KEMAMAN.

Pentadbir Tanah
DUNGUN.

Pentadbir Tanah
BESUT.

Pentadbir Tanah
HULU TERENGGANU.

Pentadbir Tanah
MARANG.

Pentadbir Tanah
SETIU.

Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 5/2003

**PERMOHONAN TANAH KERAJAAN DARIPADA KAKITANGAN
KERAJAAN DAN BADAN BERKANUN**

1. **TUJUAN**

Arahan ini bertujuan untuk memberi penjelasan dan panduan tatacara memproses permohonan tanah dari pegawai awam mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2002 bertarikh 30 Julai 2002 dan Pekeliling SUK. TR. Bil. 6/2003 bertarikh 1 Mei 2003.

2. **LATARBELAKANG:**

Berdasarkan pengamatan, didapati terdapat dua cara proses permohonan tanah kerajaan yang dipohon oleh Pegawai Awam iaitu:-

- i) Permohonan diproses dan keputusan Lembaga Tatatertib dikemukakan kemudian.
- ii) Permohonan akan diproses setelah keputusan Lembaga Tatatertib diperolehi.

3. **TATACARA MEMPROSES:**

- 3.1. Tatacara memproses perlu diseragamkan dan semua permohonan dari pegawai awam (kakitangan kerajaan dan badan-badan berkanun) hendaklah diproses sehingga mendapat kelulusan MMKN dengan tertakluk kepada keputusan Lembaga Tatatertib.
- 3.2. Pegawai Awam/pemohon hendaklah mengemukakan keputusan Lembaga Tatatertib dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh surat kelulusan tanah dan ianya disahkan oleh Pentadbir Tanah. Kegagalan berbuat demikian Pentadbir Tanah bolehlah mengambil tindakan pembatalan kecuali telahpun ada keputusan MMKN mengenainya.
- 3.3. Kertas MMKN bagi permohonan tanah dari Pegawai Awam yang belum mengemukakan Lembaga Tatatertib hendaklah dimasukkan syarat-syarat berikut:-
 - i) Kelulusan ini tertakluk kepada keputusan Lembaga Tatatertib, dan kegagalan pemohon mengemukakan dalam tempoh satu (1) tahun Pentadbir Tanah diberikuasa membatalkan keputusan tersebut.


4. **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA:**

Arahan ini hendaklah dibaca bersekali dengan arahan PTG. TR. Bil. 4/1992 dan berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“ MEMBANGUN MENURUT ISLAM ”

Saya yang menurut perintah,




(DATO' TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR)

Pengarah Tanah dan Galian

Terengganu.

s.k.

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, Terengganu.
Setiausaha Dewan Undangan Negeri Terengganu.
Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Pendaftaran).
Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Khidmat Pengurusan).
Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Ambil Balik, Hasil dan Saguhati).
Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Pendaftaran).
Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Pelupusan Tanah).
Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Kuatkuasa dan Galian).
 Pegawai Eksekutif Kanan (Pendaftaran)
Pegawai Eksekutif (Hasil).
Pegawai Eksekutif (Pembangunan Tanah).
Pegawai Eksekutif (Galian/Pemastautin Tanpa Hak).
Penolong Pegawai Tanah NT32.
Pembantu Tadbir Kanan (Pelupusan Tanah).
Pembantu Tadbir (Permohonan Tanah Pemastautin Tanpa Hak).
Fail Timbul.